

Zulkarnain b Alias
v
Mustafa Kamal b Sadile

Sessions Court, Teluk Intan – Civil Suit No. 53-58-2/2012
 Adli Abd Ghalib scj

[69] Quantum – *Abrasion and laceration – Abrasion – Multiple abrasion – Arthritis – Osteoarthritis – Future osteoarthritis – Miscellaneous condition – Soft tissue injury – Upper limb – Forearm – Fracture distal end of right radius – Palm – Fracture base of third and fifth metacarpal bones – Scar*

Date of accident

July 7, 2011

Date of grounds of judgment

January 29, 2013

Judgment received

April 8, 2013

Brief description of plaintiff’s injuries

1. Fracture base of the third and fifth metacarpal bones
2. Fracture distal end of the right radius
3. Multiple abrasion
4. Soft tissue injury

Disabilities

1. 7 cm x 1 cm scar
2. Future osteoarthritis
3. Inability to carry weights
4. Limitation of the right hand movement

Plaintiff’s age

(a) As at date of accident : NA
 (b) As at date of hearing : NA

Plaintiff’s occupation

(a) As at date of accident : NA
 (b) As at date of hearing : NA

Plaintiff's earnings

- (a) As at date of accident : NA
 (b) As at date of hearing : NA

1

Liability

100% against the defendant

5

Award (Based on 100% liability)1. *General damages*

- | | | |
|---|---------------|----|
| (a) 7 cm x 1 cm scar | – RM 2,000.00 | 10 |
| (b) Fracture base of the third and fifth metacarpal bones (RM5,000.00 for each fracture) | – RM10,000.00 | |
| (c) Fracture distal end of the right radius (Note: The plaintiff as a result suffers from limitation of the right hand movement and inability to carry weights) | – RM25,000.00 | 15 |
| (d) Future osteoarthritis | – RM 5,000.00 | |
| (e) Multiple abrasion and soft tissue injury | – RM 5,000.00 | |

2. *Special damages*

- | | | |
|---|---------------|----|
| (a) Cost of future surgery (removal of metal implant) | – RM 1,666.00 | 20 |
| (b) Cost of profile technology (agreed) | – RM 450.00 | |
| (c) Travelling expenses | – RM 300.00 | |

25

Interest

- (a) 2.5% per annum on special damages from date of accident until date of judgment.
- (b) 5% per annum on general damages from date of service of summons until date of judgment.
- (c) 5% per annum on total judgment sum from date of judgment until date of full settlement.

30

Cases referred to by the court

- Ahmad Fazrizal b Azman v Maznah bt Mohamad* [2011] 1 PIR [1], sc 35
- Ahmad Zarrin Anas b Ahmad Kamal v Mohamad Amirul Azizi b Abdul Ghani* [2011] 2 PIR [54], sc
- Albert Liban ak Sankap v Yu Sze Wei* [2012] 1 PIR [26], sc
- Amir Hamzah v Khamis b Mohd Norhadi* [2012] 1 PIR [15], sc
- Chong Teen Seong & Anor v Yee Siew Lang & Anor* [2012] 2 PIR [32], sc 40

- 1 *Firdaus b Abd Malik & Anor v Wee Kok Choo* [2011] 1 PIR [15], sc
Govinda Raju & Anor v Laws [1966] 1 MLJ 188
Hussein b Busrah & Anor v Mohamad Aizeel b Zubir [2012] 1 PIR [16], sc
Jasveer Singh a/l Jeet Singh v Ewe Yee Wah & Anor [2010] 1 PIR [23], sc
5 *Kumaran a/l Pannerselvam & Anor v Ng Wee Khim & Anor* [2011] 2 PIR [34], sc
Mohd Hazli b Hassan v Lee Pon Heng [2010] 1 PIR [76], sc
Mohd Rosle b Yusof v Lye Kim Hee [1991] 3 CLJ 2177, HC
Muniandy a/l Nadeson v Kee Fook Leong [2012] 1 PIR [78], sc
Thinagaren a/l Vejian & Anor v Huan Kim Hock [2012] 2 PIR [46], sc
10 *Wan Norsiah bt Wan Abdullah v Che Harun b Che Daud* [1980] 1 MLJ 237
Zainuddin b Ahmad v Ismail Fakir Mohamed [2012] 1 PIR [67], sc

Legislation referred to by the court

Road Transport Act 1987, s 43(1)

15 **Other references**

PK Nathan, *Nathan on Negligence*

Solicitors

- 20 *Shabnam Haseena Mohd Hanif* (SV Namasoo & Co) for plaintiff
Prithi Verma (Prithi, Junainah & Associates) for defendant

Adli Abd Ghalib scj

- 25 [1] Plaintiff membawa tuntutan ini terhadap defendan untuk mendapatkan ganti rugi am dan khas bagi kecederaan dan kerugian yang dialaminya akibat daripada satu kemalangan jalanraya yang berlaku pada Julai 7, 2011 di KM 5, Jalan Changkat Jong, Teluk Intan, yang melibatkan motorsikal No. AHE 2947 yang ditunggang oleh plaintiff dan motorkar No. 8254 yang dipandu oleh defendan.

30 **Liabiliti**

Kes plaintiff

- 35 [2] Plaintiff di dalam keterangannya mengatakan bahawa pada hari kemalangan beliau menunggang motorsikalnya dari atas ke bawah menurut rajah kasar pada kelajuan lebih kurang 50 km/j hingga 60 km/j, di dalam jarak tiga kaki dari tepi jalan. Apabila beliau sampai di tempat kejadian, motorkar defendan yang datang dari arah bertentangan tanpa memberikan sebarang isyarat dan tanpa berhenti telah tiba-tiba membuat pusingan U dan
40 kemalangan berlaku. Plaintiff telah membunyikan hon dan cuba mengelak

ke kanan tetapi ada kenderaan lain di sebelah kanan, lalu beliau mengelak ke kiri dan kemalangan berlaku. Plaintif mengatakan pertama kali beliau nampak motorkar defendan membuat pusingan U adalah di dalam jarak 12 kaki daripada motorkar tersebut. Merujuk kepada rajah kasar, plaintif mengatakan bahawa kemalangan berlaku di tempat yang ditandakan "KS." Plaintif telah membuat laporan polis mengenai kemalangan.

[3] Pegawai penyiasat di dalam keterangannya mengatakan bahawa daripada siasatannya arah perjalanan plaintif adalah dari atas ke bawah menurut rajah kasar dan defendan pula adalah dari bawah dan membuat pusingan U. Kerosakan motorsikal adalah di bahagian hadapan manakala kerosakan motorkar tertumpu di sebelah kiri badan motorkar tersebut. Pegawai penyiasat mengesahkan bahawa tanda "KS" di dalam rajah kasar adalah merupakan kesan serpihan daripada kemalangan. Had laju di kawasan tempat kemalangan adalah 60 km/j dan sekolah terletak 200 meter daripada tempat kemalangan. Menurut pegawai penyiasat, hasil penyiasatan beliau, tindakan akan diambil terhadap defendan di bawah s43(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Semasa diperiksa balas oleh peguam defendan, pegawai penyiasat mengesahkan bahawa tiada halangan pandangan bagi kenderaan-kenderaan yang melalui tempat kejadian.

Kes defendan

[4] Semasa memberi keterangan defendan mengatakan dengan merujuk kepada rajah kasar bahawa di hari kejadian beliau dari bawah ke atas dan hendak membelok ke kanan. Defendan mengatakan bahawa sebelum membelok beliau memastikan tiada kenderaan. Apabila beliau membelok tiba-tiba kemalangan berlaku. Defendan telah menunjukkan "KS" di dalam rajah kasar sebagai tempat kemalangan. Menurut defendan, selepas kemalangan kedua-kedua kenderaan yang terlibat telah dialihkan. Selepas kemalangan defendan telah membuat laporan polis.

[5] Semasa disoal balas oleh peguam plaintif, defendan mengatakan bahawa pada hari kemalangan jalan sibuk. Defendan tidak setuju dengan cadangan peguam plaintif bahawa pada masa kemalangan beliau sedang membuat pusingan U. Menurut defendan beliau tidak nampak motorsikal sebelum kemalangan dan beliau hanya sedar apabila pertembungan berlaku di antara motorkar beliau dengan motorsikal plaintif. Defendan setuju dengan cadangan peguam plaintif bahawa kemalangan berlaku di lorong motorsikal. Defendan setuju dengan cadangan peguam plaintif bahawa beliau tidak menyatakan perkara-perkara penting di dalam laporan polisnya.

Dapatan dan keputusan mahkamah mengenai isu liabiliti

[6] Daripada keterangan saksi-saksi kedua-dua belah pihak, mahkamah mendapati bahawa pihak-pihak mempunyai versi masing-masing mengenai

1 bagaimana kemalangan berlaku. Di dalam menentukan versi mana yang
lebih berkebarangkalian, mahkamah melihat kepada keterangan senyap
di dalam bentuk rajah kasar, gambar-gambar kemalangan dan kerosakan
kenderaan-kenderaan yang terlibat.

5 [7] Merujuk kepada rajah kasar tempat kejadian, mahkamah mendapati
bahawa defendan telah bersetuju semasa diperiksa balas oleh peguam
plaintif bahawa tanda "X" yang diletakkan di atas tanda "KS" adalah
tempat pertembungan di antara motorsikal plaintif dan motorkar defendan.
10 Kedudukan "X" dan "KS" di atas laluan sebelah kiri, iaitu laluan plaintif
menunjukkan defendan telah membuat pusingan U dan menghalang laluan
sah plaintif.

[8] Keterangan defendan langsung tidak disokong oleh laporan polis
beliau. Mahkamah mendapati bahawa keterangan defendan di mahkamah
adalah berbeza sama sekali dengan laporan polis beliau. Di dalam laporan
15 polis beliau, defendan mengaku beliau membuat pusingan U. Defendan
mengatakan:

Semasa saya hendak membuat pusingan U tiba-tiba sebuah motorkar nombor
tidak tahu yang datang dari sebelah kiri telah melanggar motorkar saya.

20 Di mahkamah, defendan menafikan beliau membuat pusingan U. Defendan
mengatakan beliau hanya membelok ke kanan.

[9] Defendan semasa memberikan keterangan di mahkamah mengatakan
bahawa sebelum membelok atau membuat pusingan U beliau ada berhenti
25 dan memberikan isyarat ke kanan. Defendan mengakui semua ini adalah
fakta-fakta penting yang sepatutnya dimasukkan ke dalam laporan polis,
tetapi beliau tidak berbuat demikian. Kegagalan defendan memasukkan
fakta-fakta penting ini ke dalam laporan polisnya bukan sahaja menunjukkan
bahawa apa yang dikatakan oleh defendan di mahkamah adalah "*afterthought*,"
30 bahkan disebabkan percanggahan tersebut, mahkamah tidak dapat
mempertimbangkan apa yang dikatakan oleh defendan di mahkamah sebagai
fakta yang benar tentang bagaimana kemalangan berlaku.

[10] Pentingnya meletakkan fakta-fakta material mengenai kemalangan di
dalam laporan polis telah ditekankan oleh Dato' RK Nathan di dalam bukunya
35 *Nathan on Negligence*, di mahkamah penulis telah merujuk beberapa kes dan
mengatakan seperti berikut:

In *Haron v Macaulay* the court took into consideration the fact that when making
his police report the appellant had failed to mention the fact that he had given a
warning.

40 With regard to omission of material fact in the report of the defendant, Winslow J
said in *Nicholas Arthur Nock v Mohamed Ali b Suleiman & Anor* [1976] 1 MLJ 252, CA:

“ His report does not help him at all. There never was any question whatsoever of oncoming traffic in the half of Guillemard Road and in that report he did not say one word about the motorcyclist overtaking him or what their respective positions on the road were.”

1

Again with regard to omission of material facts in the report, Arulanandom J said in *Abdul Mokhti b Hj Ahmad v Idris b Ibrahim* [1977] 2 MLJ 85:

5

“ In considering whether the plaintiff’s version is the correct version one has to take into consideration a few factors. The pillion rider, Shahidi bin Yahya made a report immediately after the accident and in that report there was no mention of any car cutting across the path of the plaintiff and stopping. All he says in his report is:

10

‘ When we arrived at Simpang Chempa Lane, my friend collided into the rear of a motortaxi. I fell.’”

In the report of the plaintiff which was made about one month after the accident the plaintiff says:

15

“ When I arrived near Mengkuang Road, a motortaxi came from my rear and overtook my motorcycle and suddenly stopped in front of me. I applied my brakes but collided into the rear of the taxi and I fell down unconscious.”

20

It would seem that the courts have of recent been emphasising on the need to mention relevant facts in one’s police report. In *Wan Norsiah bt Wan Abdullah v Che Harun b Che Daud* [1980] 1 MLJ 237, Mohamed Zahir J said:

“ In his police report the defendant had failed to mention about the lorry. I am of the opinion if there was indeed such a lorry which caused the obstruction to his view and which accounted for the accident, he would not have failed to mention this in his police report when the fact was still fresh in his mind. He did not mention about his witness, DW2, being a passenger and therefore a witness.”

25

[11] Berdasarkan petikan di atas, jelas bahawa defendan di dalam kes ini telah gagal memasukkan fakta-fakta material di dalam laporan polisnya dan keterangannya di mahkamah langsung tidak disokong oleh laporan polisnya sendiri. Maka mahkamah mempunyai alasan untuk menolak versi yang dikemukakan oleh defendan tentang bagaimana kemalangan berlaku.

30

[12] Defendan di dalam keterangannya di mahkamah cuba memberi penjelasan tentang percanggahan di antara keterangannya di mahkamah dengan laporan polisnya. Defendan mengatakan bahawa pada hari kejadian beliau datang dari rumahnya di Padang Tembak, iaitu dari arah bawah ke atas mengikut rajah kasar dan kemudian hendak menurunkan anaknya di pintu pagar Sekolah Teknik di kanan jalan sebelum berpatah balik ke rumahnya seperti yang beliau lakukan setiap hari. Apabila beliau sampai di

35

40

1 hadapan sekolah, di situ ada pembahagi jalan dan terdapat dua buah kereta
di hadapannya. Selepas dua buah kereta itu berlalu, beliau pastikan tiada
kenderaan di hadapannya sebelum membelok masuk ke sekolah. Semasa
membelok beliau mendengar dentuman kuat dan mendapati ada kaca
5 bertaburan di dalam motorkarnya.

[13] Mengikut defendan itulah pengalaman pertamanya membuat laporan
polis dan apa yang beliau maksudkan sebagai membuat pusingan U adalah
masuk ke kanan jalan untuk menurunkan anak dan berpatah balik.

10 [14] Mahkamah mendapati keterangan defendan di atas tidak melepaskan
(*exonerate*) defendan daripada tanggungan. Di sebaliknya keterangan defendan
telah menunjukkan bahawa defendan cuai di dalam tidak memberi laluan
kepada kenderaan yang melalui jalan utama sebelum membelok atau membuat
pusingan U. Semasa disoal balas oleh peguam plaintif, defendan setuju
15 dengan cadangan peguam plaintif bahawa laluan motorsikal plaintif adalah
merupakan laluan utama. Defendan mengakui bahawa sebelum kemalangan
beliau tidak nampak motorsikal plaintif. Defendan juga mengatakan
bahawa kali pertama beliau menyedari motorsikal plaintif adalah selepas
pertembungan berlaku. Semua jawapan-jawapan ini menunjukkan bahawa
20 defendan tidak memberhentikan motorkarnya, tidak memberi isyarat, dan
keluar secara tiba-tiba, menyebabkan kemalangan berlaku.

[15] Mahkamah berpuas hati bahawa plaintif telah membuktikan
kesnya terhadap defendan. Keterangan plaintif didapati konsisten, di
mana keterangannya telah disokong oleh keterangan pegawai penyiasat
dan keterangan senyap, iaitu rajah kasar dan kunci serta gambar-gambar
25 penyiasatan. Adalah juga didapati daripada keterangan daripada pihak
plaintif dan defendan bahawa semasa kemalangan plaintif berada di laluan
utama dan defendan telah masuk ke laluan plaintif secara tiba-tiba apabila
membuat pusingan U dan menghalang laluan sah plaintif.

30 [16] Fakta bahawa plaintif telah cuba mengelak ke kiri tetapi kemalangan
tetap berlaku menunjukkan plaintif telah mengambil segala langkah
yang munasabah untuk mengelakkan kemalangan. Plaintif tidak boleh
dipersalahkan kerana tidak memilih untuk mengelak ke kanan kerana
plaintif mengatakan ketika itu ada kenderaan di lorong sebelah kanan. Apa
yang dilakukan oleh plaintif adalah di dalam keadaan "*agony of the moment*"
35 yang diwujudkan oleh defendan. Mahkamah merujuk kepada kes yang
dikemukakan oleh peguam plaintif mengenai isu ini, iaitu *Govinda Raju &
Anor v Laws* [1966] 1 MLJ 188 di mana mahkamah telah memutuskan:

40 The plaintiff saw the motor vehicle swerving into his path. Perplexed by being
exposed to the danger created by the defendant he also swerved to his right in an
attempt to avoid the accident but failed. To my mind, when a plaintiff is perplexed
or agitated when exposed to danger by the wrongful act of the defendant, it is

sufficient if he shows as much judgment and control in attempting to avoid the accident as may reasonably be expected of him in the circumstances. To that extent I am satisfied that the plaintiff had so acted in the circumstances. What is done or omitted to be done in the agony of the moment cannot be fairly be treated as negligence. I therefore hold that there is no contributory negligent on the part of the plaintiffs.

[17] Seperti kes di atas, plaintif di dalam kes ini telah bertindak "*in the agony of the moment*" dan tidak boleh dipersalahkan jika tindakannya itu tidak berjaya mengelak kemalangan kerana situasi merbahaya itu diwujudkan oleh defendan.

[18] Peguam defendan telah menghujahkan bahawa plaintif berkemungkinan laju dan disebabkan itu tidak dapat mengelak kemalangan. Ini cuma pengataan dari meja peguam, tiada sebarang keterangan di hadapan mahkamah yang menunjukkan bahawa plaintif menunggang motorsikalnya dengan laju. Cadangan peguam defendan bahawa plaintif menunggang motorsikalnya dengan laju kerana hendak cepat sampai ke tempat kerjanya di Batu Gajah telah dinafikan oleh plaintif. Bukan sahaja keterangan plaintif tidak menunjukkan plaintif menunggang dengan laju, bahkan defendan sendiri di dalam keterangannya tidak mengatakan yang plaintif menunggang motorsikalnya dengan laju. Apa yang beliau katakan adalah beliau tidak nampak motorsikal plaintif sebelum kemalangan. Beliau hanya menyedari motorsikal plaintif ada di laluan yang beliau masuki apabila berlaku pertembungan di antara motorkar beliau dengan motorsikal plaintif. Berdasarkan dapatan ini, kes *Mohd Rosle b Yusof v Lye Kim Hee* [1991] 3 CLJ 2177 yang dirujuk oleh peguam plaintif adalah tidak terpakai kepada plaintif.

[19] Maka berdasarkan setelah mendengar keterangan saksi-saksi di dalam kes ini serta menimbangkan penghujahan pihak-pihak, di atasimbangan kebarangkalian mahkamah memutuskan bahawa defendan adalah bertanggung sepenuhnya di dalam kemalangan ini.

Kuantum

Ganti rugi am

1. *Multiple abrasions and soft tissue injury*

[20] Peguam plaintif menghujahkan untuk kuantum bagi "*multiple abrasions*" dan "*soft tissue injury*" secara berasingan. Bagi "*multiple abrasions*" peguam plaintif mencadangkan RM5,000.00 dengan merujuk kepada kes *Mohd Hazli b Hassan v Lee Pon Heng* [2010] 1 PIR [76] dan bagi "*soft tissue injury*" peguam plaintif mencadangkan RM12,000.00 dengan merujuk kepada kes *Thinagaren a/l Vejian & Anor v Huan Kim Hock* [2012] 2 PIR [46]. Peguam defendan mencadangkan RM5,000.00 bagi kedua-dua kecederaan ini.

1 [21] Mahkamah mendapati bahawa cadangan peguam defendan adalah
lebih munasabah dan berpatutan. Kuantum yang dicadangkan oleh peguam
plaintif adalah terlalu tinggi. Jika digabungkan kedua-dua jumlah tersebut,
ia mencecah RM17,000.00, satu kuantum yang menyamai kuantum yang
5 lazimnya diberikan bagi kepatuhan, sedangkan kedua-dua kecederaan tersebut
adalah amat ringan serta tidak mendatangkan sebarang kesan berpanjangan
kepada plaintif. Dengan demikian mahkamah memberikan award sebanyak
RM5,000.00 bagi kedua-dua kecederaan “multiple abrasions” dan “soft tissue
injury” ini.

10 2. *Fracture distal end of the right radius*

[22] Peguam plaintif mencadangkan kuantum bagi kecederaan “fracture
distal end of the right radius” dan “fracture base of the third and fifth metacarpal
bones” diberikan bersekali. Bagi “fracture distal end of the right radius,” peguam
15 plaintif telah merujuk kes-kes *Firdaus b Abd Malik & Anor v Wee Kok Choo*
[2011] 1 PIR [15] di mana RM25,000.00 diberikan dan *Jasveer Singh a/l Jeet*
Singh v Ewe Yee Wah & Anor [2010] 1 PIR [23] di mana RM28,000.00 diberikan
bagi kecederaan ini.

[23] Bagi kecederaan “fracture base of the third and fifth metacarpal bones”
20 peguam plaintif telah merujuk kes *Ahmad Fazrizal b Azman v Maznah bt*
Mohamad [2011] 1 PIR [1] di mana RM6,000.00 telah dibenarkan bagi satu
kepatuhan metacarpal dan kes *Kumaran a/l Pannerseivam & Anor v Ng Wee Khim*
& Anor [2011] 2 PIR [34] di mana RM10,000.00 dibenarkan bagi kepatuhan
satu metacarpal dengan kecacatan.

25 [24] Bagi kedua-dua kecederaan di atas peguam plaintif mencadangkan
award *global* sebanyak RM45,000.00.

[25] Peguam defendan telah mencadangkan RM20,000.00 bagi kecederaan
“fracture distal end of the right radius” sahaja berpandukan kes *Zainuddin b*
30 *Ahmad v Ismail Fakir Mohamed* [2012] 1 PIR [67].

[26] Mahkamah berpendapat bahawa untuk mendapatkan kuantum yang
lebih adil, award yang berasingan patut diberikan bagi kecederaan di atas. Di
samping kes-kes di atas, mahkamah turut mengambil kira tahap kecederaan
plaintif. Meskipun laporan pakar Dr John Anantham mengatakan kepatuhan
35 tulang radius telah bercantum, plaintif tetap tidak boleh mengangkat
benda-benda berat dan pergerakan tangan sebelah kanannya adalah terhad.
Mahkamah mengambil kira kecacatan ini di dalam pemberian award.

[27] Berdasarkan kes-kes yang dirujuk oleh peguam plaintif dan juga kes
yang dirujuk oleh peguam defendan, mahkamah mendapati bahawa “trend of
40 awards” bagi kecederaan “fracture distal end of the right radius” adalah di antara

RM20,000.00 ke RM28,000.00. Maka mahkamah membenarkan award sebanyak RM25,000.00 dengan mempertimbangkan hujahan peguam kedua-dua pihak, tahap kecederaan dan “*trend of awards*” melalui kes-kes yang dirujuk.

3. *Fracture base of the third and fifth metacarpal bones*

[28] Peguam plaintif mencadangkan seperti di atas, iaitu satu kuantum yang bersekali bagi kecederaan ini dengan kecederaan “*fracture distal end of the right radius.*” Seperti yang kecederaan di atas juga dan berdasarkan alasan yang sama, mahkamah memberikan award yang berasingan bagi kedua-dua kecederaan tersebut. Peguam defendan mencadangkan RM8,000.00 dengan berpandukan kes *Amir Hamzah v Khamis b Mohd Norhadi* [2012] 1 PIR [15] di mana RM4,000.00 diberikan bagi setiap kepatahan *metacarpal*. Satu lagi kes yang dirujuk oleh peguam plaintif adalah *Ahmad Zarrin Anas b Ahmad Kamal v Mohamad Amirul Azizi b Abdul Ghani* [2011] 2 PIR [54] di mana RM3,000.00 dan RM5,000.00 diberikan bagi setiap satu *metacarpal*.

[29] Kuantum bagi kes-kes yang dirujuk oleh peguam plaintif adalah di antara RM6,000.00 ke RM10,000.00 bagi setiap tulang *metacarpal* sementara kuantum di dalam kes-kes yang dirujuk oleh peguam plaintif adalah di antara RM3,000.00 ke RM5,000.00. Mahkamah membenarkan award sebanyak RM10,000.00 bagi kepatahan dua tulang *metacarpal*, iaitu RM5,000.00 bagi setiap kepatahan berdasarkan hujahan-hujahan pihak-pihak dan kes-kes yang dirujuk.

4. *Future osteoarthritis*

[30] Kedua-dua doktor pakar pilihan plaintif dan pilihan defendan mengatakan bahawa disebabkan kecederaan-kecederaannya itu plaintif akan mendapat *osteoarthritis* pada di masa akan datang. Peguam plaintif mencadangkan kuantum sebanyak RM7,000.00 berpandukan kes *Chong Teen Seong & Anor v Yee Siew Lang & Anor* [2012] 2 PIR [32]. Peguam defendan mencadangkan RM4,000.00 berpandukan kes *Albert Liban ak Sangkap v Yu Sze Wei* [2012] 1 PIR [26] dan kes *Hussein b Busrah & Anor v Mohamad Aizeel b Zubir* [2012] 1 PIR [16].

[31] Setelah menimbangkan cadangan-cadangan daripada kedua-dua pihak dan kes-kes yang dirujuk, mahkamah membenarkan RM5,000.00 bagi “*future osteoarthritis*” memandangkan jumlah ini tidak jauh berbeza daripada jumlah yang dicadangkan oleh kedua-dua pihak dan merupakan amaun yang munasabah.

1 5. Scar

[32] Bagi *scar*, mahkamah mendapati cuma terdapat satu parut yang berukuran 7 cm x 1 cm. Peguam plaintif mencadangkan RM3,500.00 berpandukan kes *Muniandy a/l Nadeson v Kee Fook Leong* [2012] 1 PIR [78].
5 Peguam defendan mencadangkan RM1,500.00 bagi satu *scar* ini. Mahkamah berpendapat bahawa RM2,000.00 adalah lebih munasabah bagi satu parut yang tidak terlalu besar dan tidak mendatangkan masalah kepada plaintif dan *amaun* ini telah dibenarkan.

10 ***Ganti rugi khas***1. *Perbelanjaan profile technology*

[33] Kedua-dua pihak telah bersetuju sebanyak RM450.00 bagi item ini.

15 2. *Perbelanjaan pengangkutan*

[34] Mahkamah berpendapat RM300.00 adalah sesuai bagi item ini tanpa apa-apa bukti dikemukakan.

20 3. *Kos pembedahan masa hadapan*

[35] Laporan pakar plaintif ada menyatakan kos pembedahan masa hadapan plaintif adalah sebanyak RM5,000.00 bagi mengeluarkan plet. Meskipun cadangan ini tiada di dalam laporan pakar pilihan defendan, tidak pernah dicadangkan bahawa pembedahan tidak perlu diadakan. Maka mahkamah
25 membenarkan item ini, tetapi dengan memberikan sepertiga sahaja daripada jumlah yang dipohon memandangkan kos yang dicadangkan adalah jika pembedahan dijalankan di hospital swasta. Maka jumlah yang dibenarkan adalah RM1,666.00.

[36] Sebagai rumusan, keputusan mahkamah secara keseluruhannya adalah seperti berikut:

Liabiliti

[37] Defendan adalah bertanggung 100%.

35

40

Kuantum 1
Ganti rugi am

| | | | |
|---------------|---|---------------------------|----|
| 1) | Multiple abrasion and soft tissue injury | RM 5,000.00 | 5 |
| 2) | Fracture distal end of the right radius | RM25,000.00 | |
| 3) | Fracture base of the third and fifth metacarpal bones | RM10,000.00 | 10 |
| 4) | Future osteoarthritis | RM 5,000.00 | |
| 5) | Scar | <u>RM 2,000.00</u> | |
| <i>JUMLAH</i> | | <u><u>RM47,000.00</u></u> | 15 |

Ganti rugi khas

| | | | |
|---------------|--|---------------------------|----|
| 1) | Perbelanjaan profile technology (dipersetujui) | RM 450.00 | |
| 2) | Perbelanjaan pengangkutan | RM 300.00 | 20 |
| 3) | Kos pembedahan masa depan ($\frac{1}{3}$) | <u>RM 1,666.00</u> | |
| <i>JUMLAH</i> | | <u><u>RM 2,416.00</u></u> | 25 |

Faedah 2.5% setahun atas ganti rugi khas.

Faedah 5.0 % setahun atas ganti rugi am.

Faedah 5.0% setahun atas penghakiman. 30

35

40